

Ahli bebas pilih Presiden, Timbalan

Ⓟ

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, terserah kepada ahli Umno menentukan sama ada jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno perlu dipertandingkan atau sebaliknya dalam perhimpunan agung parti November ini.

Sehubungan itu, Presiden Umno itu mengingatkan ahli Umno supaya patuh kepada peraturan mesyuarat seperti yang ditetapkan dalam perlembagaan parti.

"Saya tidak ada nasihat tertentu. Cuma ahli Umno

BH 13/4/93
patut patuh kepada peraturan-peraturan mesyuarat," katanya kepada pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama hampir tiga jam di sini, hari ini.

Beliau juga membidas perbuatan sesetengah penulis yang disifatkannya sebagai melacurkan tulisan dengan pelbagai cerita bagi menghangatkan suasana menjelang perhimpunan itu.

Katanya, penulis terabit sanggup menulis macam-macam cerita menjatuhkan orang tertentu

semata-mata untuk mendapatkan wang.

Menurutnya, beliau tidak berasa hangat dengan keadaan dan perkembangan politik dalam Umno sekarang.

"Mereka nak cari wang. Itulah sebab mereka menghangatkan keadaan. Dia nak cari duit dan kita pun fahamlah kenapa dia tulis macam-macam untuk menjatuhkan orang itu dan orang ini. Orang ini bayar dia, jadi apapun dia boleh buat," katanya.

Beliau menegaskan, perbuatan penulis sedemikian boleh dianggap se-

bagai melacurkan tulisan semata-mata untuk mendapatkan wang.

Katanya, orang sedemikian sanggup dan sedia melakukan apa saja semata-mata untuk mendapatkan wang.

"Orang ini sudah tidak ada kredibiliti," katanya.

Mengenai kedudukan orang Portugis untuk menyertai Umno, Dr Mahathir berkata pucuk pimpinan parti belum selesai membuat kajian mengenai status mereka sama ada daripada rumpun Melayu/Bumiputera atau tidak.